



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 5 / 2024

KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN NEGERI N.06 KUALA KUBU BAHARU, SELANGOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Tuan Lau Weng San, Speaker Dewan Negeri Selangor**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.06 Kuala Kubu Baharu, Selangor** berikutan kematian penyandanginya mendiang YB Puan Lee Kee Hiong pada 21 Mac 2024.
2. Sebagaimana diperuntukkan di bawah **Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959, Bab 5 Fasal (5) Perkara LXX**, kekosongan luar jangka tersebut hendaklah **diisi dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kekosongan tersebut berlaku dan disahkan oleh SPR.**

3. Sehubungan itu, satu **Mesyuarat Khas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Negeri N.06 Kuala Kubu Baharu, Selangor** akan diadakan pada **4 April 2024 (Khamis)**. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR**. Tarikh-tarikh penting PRK seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan serta persiapan-persiapan lain bagi melaksanakan pilihan raya tersebut akan dibincang dan diputuskan.

4. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.**

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

26 Mac 2024 /15 Ramadan 1445H